

JERUSALEM

Juga dikenali sebagai Kota Lama Baitulmuqaddis ialah kota tua seluas 0.9 kilometer persegi yang dikelilingi oleh tembok yang berada dalam kawasan Jerusalem Timur, di Kota Baitulmuqaddis.

Daerah Kota Tua Jerusalem terbahagi dalam empat wilayah iaitu

- Perkampungan Muslim,
- Perkampungan Yahudi,
- Perkampungan Kristian
- Perkampungan Armenia (kebanyakannya beragama Kristian).

Di dalam Kota Lama ini terdapat banyak tapak-tapak suci peninggalan sejarah

! Islam,

! Kristian (Nasrani)

! Yahudi.

Di sudut tenggara Jerusalem Lama ini terdapat Kompleks Al Haram Al Sharif yang di dalamnya terdapat Qubbat As-Sakhrah dan Masjid Al-Aqsa dan pada satu sudut masjid tersebut terdapat Tembok Meratap (Wailing Wall). Di sebelah barat pula terdapat Gereja Makam Suci .